

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**[ KAPAR ]**  
**TARIKH : 18 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a)apakah perkembangan dan status terkini (dari 1 Mac 2014 sehingga 15 Mei 2014) pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan
- (b)apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam proses perbincangan/ rundingan awal bagi mendapatkan sebidang tanah milik swasta di Kapar, Klang bagi tujuan pembangunan sebuah Hospital Baru. Pihak swasta tersebut juga sedang di dalam proses bagi mendapatkan kelulusan pelan induk pembangunan (*master plan*) dari pihak berkuasa tempatan sebelum rundingan pelbagai pihak dapat dibuat bagi membuat perolehan tanah bagi pembangunan hospital ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman pihak tuan, Klinik Kesihatan yang baru akan dibina menggunakan reka bentuk Klinik Kesihatan piawai jenis Teja di tapak sedia ada. Bagi tujuan pembinaan, Klinik Kesihatan berkenaan perlu melibatkan perpindahan perkhidmatan Klinik Kesihatan Lama. Sehubungan itu, KKM dalam perancangan perpindahan Klinik Kesihatan lama seperti berikut:

- I. Perkhidmatan Klinik Ibu & Anak (MCH) dipindahkan ke kuarters kesihatan jenis D (pembaikan & ubah suai) di tapak sedia ada;
- II. Perkhidmatan Pesakit Luar (OPD) dipindahkan ke kuarters pergigian jenis D (roboh dan pasang kabin custom made); DAN
- III. Perkhidmatan Pergigian dipindahkan ke Klinik Kesihatan Meru (pembinaan bangunan baru)